



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 APRIL 2018 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|---|----|
| - 48 pemilik rumah terjejas dapat perhatian kerajaan negeri | 18 |
| - Penduduk lega ada yang prihatin | 19 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 APRIL 2018 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	48 pemilik rumah terjejas dapat perhatian kerajaan negeri
Muka Surat	18

48 pemilik rumah terjejas dapat perhatian kerajaan negeri

SHT m/s-18 4/4/2018



ZURAI DA

AMPANG - Seramai 24 pemilik rumah di Kampung Melayu Ampang, di sini, menerima sumbangan ihsan daripada Kerajaan Negeri Selangor berhubung isu dakwaan kediaman mereka terjejas akibat projek menaik taraf Sungai Ampang.

Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin berkata, jumlah keseluruhan penerima sumbangan adalah 48 pemilik rumah.

"24 pemilik rumah lain akan menerima sumbangan kemudian kerana dokumen yang diserahkan tidak lengkap," katanya.

Beliau berkata, jika ikut perundangan dan polisi kerajaan negeri, penduduk tersebut

tidak berhak untuk mendapatkan sumbangan ihsan kerana sebahagian struktur bangunan rumah mereka berada di atas rizab jabatan Pengairan dan Saliran (GPS).

"Struktur bangunan kediaman mereka berada di atas rizab JPS untuk projek menaik taraf Sungai Ampang, mereka telah membina rumah itu sejak 30 atau 40 tahun dahulu," katanya.

Menurutnya, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat ada mengeluarkan notis kepada penduduk mengenai projek itu.

"Penduduk pula mendakwa tidak menerima sebarang notis tersebut, apabila kontraktor telah masuk ke sungai untuk melaku-

kan kerja, penduduk mendakwa rumah bergegar serta retak akibat projek itu," katanya.

Beliau berkata, pihaknya telah mempertimbangkan permohonan tuntutan penduduk yang mahu sumbangan ihsan berhubung kejadian itu.

"Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah turun ke semua rumah yang terlibat untuk proses penilaian tuntutan penduduk.

"Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang prihatin dengan nasib penduduk telah bersetuju memberi sumbangan ihsan kepada penduduk," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 APRIL 2018 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Penduduk lega ada yang prihatin
Muka Surat	19

Penduduk lega ada yang prihatin



SH mls 19
4/4/2018

Mohd Isa (kiri) bersama penduduk melihat mesin pam air baharu yang menyelesaikan masalah mereka selama ini.

AMPANG—Penghuni sebuah pangaspuri di sini, boleh menarik nafas lega selepas aduan mengenai krisis bekalan air disebabkan pam air di kediaman itu rosak sejak dua minggu lalu, mendapat perhatian.

Pengerusi Yayasan Masih Ada Yang Sayang, Mohd Isa Mohd Saidi berkata, pihaknya telah menempah pam air baharu setelah menerima aduan daripada pihak pengurusan bersama (JMB) pangaspuri berkenaan.

"Saya bersama (Pemuda Umno Ampang) Muhamad Nizam (Shith) dan (Ketua Umno Bahagian Ampang), (Datuk) Ismail (Kijo) sudi

menghulurkan sumbangan bagi mengatasi isu ini, kos termasuk kerja pemasangan dianggarkan RM10,000. Saya dimaklumkan JMB tidak mampu mengeluar kos sebanyak itu," katanya.

Pengerusi JMB, Muhamad Sufian Adam Berkata, penghuni yang mendiami tingkat paling tinggi di pangaspuri berkenaan yang paling terkesan.

"Kejadian pam air rosak ini merupakan pertama kali berlaku disalah sebuah blok di sini. Mereka terpaksa mengangkut baldi berisi air yang diambil dari sumber air berhampiran, ada segelintir penduduk marah terhadap

insiden ini, sehingga isu ini diketahui oleh Pesuruhjaya Bangunan (COB).

"Pada awalnya, saya perlu membuat surat permohonan bantuan dengan kerajaan negeri, namun prosesnya mungkin lambat," katanya.

Menurut Muhamad Sufian, pihaknya kemudian bertemu dengan Mohd Isa dan Ismail untuk memadamkan masalah penduduk di kawasan itu.

"Mereka segera memberi jawapan untuk membantu menyelesaikan masalah ini, saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan mereka," katanya.